

BAB SATU

Pengenalan

1.0 Latar belakang program pendidikan keusahawanan di Malaysia

Keusahawanan dan usahawan adalah merupakan dua istilah yang sering terkeliru maknanya dikalangan kebanyakan orang . Usahawan adalah orang yang menjalankan aktiviti perniagaan. Manakala keusahawanan pula adalah merupakan ciri positif yang ada pada diri seseorang usahawan. Usahawan mula diperkatakan dengan meluas di Malaysia apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan oleh kerajaan pada tahun 1970 dengan tujuan untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat semua kaum dan untuk menyusun semula masyarakat supaya setiap kaum di Malaysia tidak lagi dikenali mengikut fungsi ekonomi mereka Dalam usaha untuk membasmi kemiskinan inilah kerajaan telah memperkenalkan berbagai program pembangunan usahawan melalui pelbagai agensinya. Salah satu daripada program pembangunan usahawan tersebut ialah Program Usahawan Muda (PUM).

Usaha pembangunan usahawan oleh kerajaan tersebut kemudiannya telah diterapkan pula ke dalam sistem pendidikan nasional. Ini jelas dapat diperhatikan apabila tajuk keusahawanan telah diperkenalkan dalam subjek Kemahiran Hidup Bersepadu untuk pelajar peringkat sekolah menengah rendah pada tahun 1989 (KBSM, 1988). Kepentingan pendidikan keusahawanan ini dapat diteliti dengan lebih mendalam lagi apabila tajuk perdagangan dan keusahawanan telah dimasukkan sebagai salah satu daripada tajuk dalam bahagian teras subjek Kemahiran Hidup Bersepadu tersebut. Organisasi kandungan subjek Kemahiran Hidup Bersepadu terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar dan bahagian elektif iaitu bahagian yang membenarkan pelajar memilih mengikut

minat masing-masing). Bukti seterusnya betapa pentingnya pendidikan keusahawanan dalam sistem pendidikan nasional Malaysia ialah apabila Datuk Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia semasa memberi ucapan utama dalam Persidangan Pendidikan Nasional 1993 atas tajuk “Pengisian Wawasan Pendidikan”. telah menyentuh tentang aspek pengurusan dan kepimpinan. Menurut beliau

“pengurusan dan kepimpinan yang berkesan berkait rapat dengan sifat keberanian untuk mencuba dan memikul risiko. Namun demikian keberanian itu bukanlah merupakan keberanian melulu tetapi keberanian yang berasaskan pertimbangan yang rasional dan teliti. Ia bukan keberanian tolol tetapi keberanian pintar.”

(muka surat 26, para 7.4)

Aspek ini adalah selari dengan ciri usahawan yang cekap. Penerusan program pembangunan usahawan oleh kerajaan Malaysia lebih ketara lagi dengan pelancaran Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Wawasan 2020 oleh Y.A. B. Perdana Menteri Malaysia yang mana salah satu daripada matlamat utamanya ialah untuk melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra (MPPB) menjelang tahun 2020.

1.1 Program Usahawan Muda (PUM) Sepintas Lalu

PUM ialah satu program pendidikan keusahawanan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia (Kementerian Perusahaan Awam) dengan tujuan untuk mendedahkan golongan remaja kepada bidang keusahawanan. PUM ialah satu program khas yang direkabentuk dan dilaksanakan khusus untuk pelajar peringkat sekolah menengah mengambil bahagian secara aktif sebagai pengusaha syarikat yang mereka tubuh sendiri di sekolah di mana mereka sedang belajar (Kementerian Perusahaan Awam, 1992). Bagi mencapai matlamat ini kaedah penerapan dan pendedahan nilai keusahawanan kepada pelajar dirasakan satu kaedah yang amat

berkesan. Kaedah ini dijangka berkesan kerana golongan pelajar dalam usia muda (remaja) mempunyai kemampuan yang tinggi serta ghairah untuk mempelajari perkara baru dan seterusnya menghayati perkara baru tersebut.

Sebelum mereka memulakan aktiviti PUM mereka terlebih dahulu akan didedahkan dengan aspek keusahawanan yang bertujuan merangsangkan proses pembentukan dan penyelenggaraan sebuah perniagaan. Melalui penglibatan para pelajar dalam aktiviti PUM ini bakat keusahawanan mereka akan dapat dipupuk dan berkembang dan seterusnya mewujudkan budaya keusahawanan di sekolah mereka. Program ini telah dipadankan dari Junior Achievement Programme yang dilaksanakan di Amerika Syarikat yang diperkenalkan kepada kanak-kanak belasan tahun (YEO, 1987). Di Canada pula program ini dikenali sebagai JA Canada (Junior Achievement Canada) yang dilaksanakan melalui The Canadian Business Hall of Fame Foundation. (<http://www.jacan.org>)

PUM di Malaysia pula pada mulanya dianjurkan oleh Unit Penyelaras dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Kemudian urusetia PUM telah dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Usahawan (dahulunya Kementerian Perusahaan Awam) PUM dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan serta Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (Agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.). PUM telah dimulakan pada tahun 1989 di lima buah sekolah di Lembah Kelang. Kemudian pada tahun 1990 PUM telah dilaksanakan di lapan buah sekolah menengah Kementerian Pendidikan terpilih di Lembah Kelang yang dibimbing oleh pasukan pensyarah dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dengan sokongan pasukan pengurusan dari Bahagian Usahawan Kementerian Perusahaan Awam.. Pada tahun 1991/1992 PUM telah diteruskan lagi dengan bimbingan pasukan pensyarah dari UPM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM),

Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA). Sebanyak 29 buah sekolah menengah terlibat pada masa itu. Pada tahun 1993 semua Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan Kolej MARA terlibat dalam pelaksanaan PUM disamping sekolah Kementerian Pendidikan. Seterusnya pada tahun 1994 PUM ini telah diperkenalkan pula di Sekolah Menengah Agama (SMA) kerajaan negeri (sekolah menengah yang dikawal oleh kerajaan negeri (di luar kawalan Kementerian Pendidikan)). Dalam sistem pendidikan MRSM, PUM mula diperkenalkan sebagai percubaan pada tahun 1992 dengan melibatkan MRSM Kem Terendak, Melaka. Kemudiannya, pada tahun 1993 semua MRSM dan Kolej MARA telah terlibat dalam pelaksanaan PUM

1.1.1 Kurikulum PUM

Kurikulum PUM dirangka dengan tujuan untuk membantu membentuk lebih ramai anak muda yang mempunyai ciri keusahawanan dalam masyarakat. Secara amnya kurikulum PUM ini memberi penekanan kepada pembentukan sikap, kemahiran dan motivasi. A. David Silver (1986) menyatakan proses pembentukan sikap tersebut ia melibatkan beberapa langkah iaitu mengenalpasti peluang pasaran secara menyeluruh dan global, mencipta penyelesaian melalui daya kreativiti iaitu merumus masalah dan kemudiannya merumus semula masalah dengan tujuan untuk menyelesaikannya dengan lebih mudah, merancang perniagaan, memilih pasukan keusahawanan, menghasilkan produk dan menguji pasarannya dan menaikkan venture capital. Sesuai dengan pemikiran ini Kurikulum PUM telah menawarkan kepada para pelajar proses seperti berikut : -

- a. Kefahaman tentang proses perniagaan dan persekitarannya.
- b. Kefahaman tentang ciri penting seorang usahawan.

- c. Pengetahuan tentang cara memasarkan dan menjual barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan.
- d. Pengetahuan dan kemahiran dalam merancang operasi sesebuah syarikat perniagaan.
- e. Pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan perniagaan, kawalan dan sistem rekod kewangan.
- f. Pengetahuan tentang perhubungan manusia yang baik dan efektif.
- g. Pengurusan perniagaan hari ke hari yang efektif.

Organisasi kurikulum PUM yang ditawarkan kepada para pelajar MRSM ini adalah selari dengan pendapat (Calvin A. Kent, 1990) yang menyatakan bahawa pelajar PUM diajar untuk menjadi lebih daripada seorang pengurus. Pengurus hanya menggabungkan faktor pengeluaran sahaja sedangkan PUM mengajar pelajar melakukan seperti mana yang dilakukan oleh usahawan seperti mana yang terkandung dalam modul PUM berikut:

Kurikulum PUM ini disampaikan kepada para pelajar dalam empat modul iaitu : -

Modul 1 – Memahami konsep keusahawanan dan kesediaan bekerja sendiri.

Modul 2 – Mencari idea perniagaan

Modul 3 – Merancang dan memulakan perniagaan.

Modul 4 – Mengimplimentasikan rancangan perniagaan dan mencapai matlamat.

1.1.2 Objektif Am PUM

Objektif pelaksanaan PUM di MRSM ialah untuk membantu generasi muda menjadi bakal usahawan yang mempunyai sifat positif seperti berkeyakinan tinggi, berdikari, kreatif, fleksibel, berkemahiran sosial, perancang yang baik, penghubung yang baik, pemimpin yang berkaliber penyelesaian masalah yang cekap dan lebih berpengetahuan tentang perniagaan

1.1.3 Objektif Khusus PUM

PUM yang dilaksanakan di MRSM mempunyai beberapa objektif khusus yang boleh dicapai dalam jangka masa pendek. Antara objektif khusus tersebut ialah seperti berikut.

- a. Menggalak pembangunan peribadi supaya generasi muda dapat diperlengkapkan untuk menyesuaikan diri dengan mengambil peluang mengikut perubahan dalam perniagaan, masyarakat, pekerjaan dan kerjaya
- b. Membolehkan generasi muda membentuk sikap, kemahiran dan kebolehan yang sesuai, berguna di masa depan sebagai pengeluar, pengguna, rakyat, pemimpin, pembuat keputusan dan juga ketua keluarga yang baik
- c. Membentuk kecekapan dalam pengiraan, komunikasi, pembuat keputusan dan kemahiran sosial yang boleh digunakan dalam situasi sebenar
- d. Menawarkan kefahaman yang jelas dan realistik tentang persekitaran dan proses perniagaan.

- e. Memberi kesedaran serta penghayatan yang lebih baik kepada generasi muda tentang peranan perniagaan kecil, keusahawanan dan bekerja sendiri dalam perniagaan dan masyarakat.

1.1.4 Guru Pembimbing PUM (GPP)

Pelaksanaan PUM di MRSM adalah dengan bimbingan beberapa orang guru pembimbing. Setiap orang GPP akan membimbing sebuah syarikat PUM Guru pembimbing ini akan menjalani kursus pembimbing PUM bagi membolehkan mereka memahami PUM dan kaedah untuk membimbing pelajar PUM melaksanakan aktiviti PUM. Kursus ini biasanya dikendalikan sama ada oleh kumpulan pensyarah dari universiti tertentu atau dari Bahagian Pendidikan Menengah MARA. Keperluan kepada guru pembimbing ini selari dengan pendapat Calvin A. Kent (1990) yang menyatakan bahawa guru pembimbing akan menjadi "role model" untuk diikuti oleh pelajar. Sebaik-baiknya guru pembimbing tersebut terlibat dalam bidang keusahawanan secara langsung. GPP disamping menjadi 'role model' juga akan merangsang pelajarannya untuk melakukan sesuatu perkara yang menjadi arah tuju kepada program tersebut dan juga memotivasikan pelajarannya.

1.1.5 Peranan GPP

Kejayaan sesuatu program yang dilaksanakan banyak bergantung kepada tahap dedikasi pembimbingnya. Dalam kes PUM keupayaan guru pembimbing akan menentukan sejauh mana PUM boleh maju ke hadapan. Antara tugas-tugas guru pembimbing PUM di MRSM yang dikenalpasti ialah

- a. Memastikan kehadiran ahli-ahli PUM yang memuaskan, tidak datang lewat ke pertemuan dan tidak cepat meninggalkan pertemuan atau pun menarik diri daripada PUM.
- b. Memberi motivasi kepada pelajar PUM untuk terus menyertai projek, terus bekerja sebagai satu pasukan untuk membuat syarikat terus bergerak dan untuk menjadi usahawan muda yang baik, mengorganisasi dan berkomunikasi dengan sebaik mungkin dengan para pelajar yang dibimbingnya.
- c. Cuba mengenali semua peserta PUM secara peribadi, berinteraksi dengan peserta, cuba mencungkil bakat yang istimewa, aspirasi mereka dan mencari jalan agar kebolehan mereka yang ada dapat digunakan sepenuhnya.
- d. Jangan membuat tanggapan buruk sebelum mengenali usahawan muda tersebut dan cuba mencari maklumat latar belakang pelajar tersebut.

1.2 MRSM Sebagai Institusi Pendidikan Usahawan Muda

MRSM adalah satu nama yang sinonim dengan institusi pendidikan aliran sains bagi pelajar bumiputra di peringkat sekolah menengah. Ini kerana matlamat penubuhannya bertujuan untuk mempercepatkan pengeluaran pelajar bumiputra dalam bidang sains dan teknologi. Walau bagaimanapun lulusan sains dan teknologi yang dihasilkan masih lagi terikat dengan fikiran untuk bekerja makan gaji selepas memperolehi kelayakan professional mereka. Oleh itu disamping mendidik mereka untuk menjadi saintis dan teknokrat, mereka juga akan dilatih untuk menjadi usahawan pada masa akan datang. Melalui PUM para pelajar akan menjadi usahawan sambil di mana mereka dapat mencuba sesuatu bidang perniagaan dan kemudiannya mereka menilai potensi bidang yang diceburi tersebut. Thomas W.

Zimmerer (1998) menyarankan agar usahawan yang menceburi sesuatu bidang menceburinya terlebih dahulu sebagai usahawan sambilan dengan meneruskan aktiviti-aktiviti biasanya yang sedang dijalankan. Jika usaha sambilan yang dilakukannya menampakkan kejayaan maka usaha itu boleh diteruskan secara penuh masa dan jika usahanya nampak tidak membuahkan hasil dia boleh meninggalkan bidang barunya itu tanpa kerugian apa-apa dan kembali kepada aktiviti asalnya sebelum ini.

1.2.1 Latar belakang penubuhan MRSM

MRSM telah mula ditubuhkan pada tahun 1972 dengan matlamat untuk memperbanyakkan lagi pelajar bumiputra dalam bidang sains dan teknologi. MRSM melaksanakan kurikulumnya dalam dua bidang iaitu kurikulum akademik yang menerima pakai kurikulum yang diajar di sekolah Kementerian Pendidikan dan kurikulum perkembangan sahsiah yang dibangunkan sendiri oleh pihak MARA. Dalam bidang kurikulum akademik, di samping melaksanakan kurikulum Kementerian Pendidikan, MRSM juga telah memperkenalkan kurikulum keusahawanan kepada semua pelajar tingkatan empatnya. Seterusnya MRSM telah melaksanakan konsep keusahawanan merentasi kurikulum yang mana semua guru yang mengajar subjek akademik dikehendaki menerapkan ciri keusahawanan (sikap positif) semasa melaksanakan aktiviti pengajaran subjek mereka. Folson Burton W , (1987) mencadangkan agar pendidikan keusahawanan diterapkan melalui pengajaran subjek lain. Misalnya dalam pengajaran subjek sejarah pelajar tidak hanya diajar tentang politik sahaja tetapi harus juga diajar tentang tamadun manusia di mana banyak perubahan yang dibuat oleh tokoh politik melalui langkah sedikit demi sedikit. Begitu juga dalam pengajaran subjek sains. Martin,(1984) mengesyorkan

disamping mengajar konsep sains kepada pelajar, mereka juga harus diterangkan dan difahamkan tentang hubungan antara saintifik, penemuan dan keusahawanan. Sementara dalam kurikulum perkembangan sahsiah pula terdapat beberapa aspek yang terdiri daripada program pembangunan diri, aktiviti keusahawanan, aktiviti persatuan dan kelab, pasukan badan berpakaian seragam, aktiviti kem cuti serta aktiviti sukan dan permainan. PUM termasuk di bawah kategori aktiviti keusahawanan

1.3 Perkembangan Pendidikan keusahawanan di MRSM

Pendidikan keusahawanan di MRSM diperkenalkan dengan tujuan untuk menyesuaikan aktiviti MRSM agar selari dengan aktiviti utama badan induk (MARA) yang memberi tumpuan kepada pembangunan usahawan. Oleh itu MRSM yang dikendalikan oleh MARA seharusnya mendahului institusi pendidikan lain yang setara dalam aspek pembangunan usahawan. Sebagai permulaan pihak MARA telah mewajibkan semua pelajar yang menerima tawaran untuk belajar di MRSM menjadi ahli koperasi MRSM berkenaan. Selepas itu mereka digalakkan pula untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti koperasi MRSM berkenaan sama ada sebagai ahli lembaga koperasi atau pun sebagai jurujual di kedai koperasi secara bergilir-gilir.

Pada peringkat kedua MRSM menawarkan subjek akademik Perdagangan dan Keusahawanan dan Prinsip Akaun kepada para pelajar dengan harapan nilai keusahawanan akan dapat dipupuk dikalangan pelajar semasa mempelajari subjek tersebut. Bagi mempertingkatkan lagi aktiviti pendidikan keusahawanan di kalangan pelajar MRSM, pihak MARA telah mewajibkan pula pembelajaran pelajaran Pendidikan Keusahawanan kepada semua pelajar tingkatan empat MRSM. Kurikulum Pendidikan Keusahawanan MRSM ini dibangunkan oleh pihak MARA

(Bahagian Pendidikan Menengah) dengan bantuan pihak yang berwibawa dalam bidang pembangunan usahawan seperti MEDEC (UiTM), Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) Bahagian Pelajaran Komersil MARA dan Bahagian Bimbingan Usahawan MARA.

Peringkat seterusnya pelaksanaan aktiviti pendidikan keusahawanan di MRSM ialah apabila MARA memperkenalkan PUM kepada semua institusi pendidikan di bawah kelolaannya seperti MRSM, Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Kolej Profesional MARA (KPM). Bagi MRSM, PUM telah diperkenalkan kepada pelajar tingkatan 1, 2 dan 4 dalam bentuk aktiviti ko-kurikulum. Walau bagaimanapun, setiap MRSM akan menawarkan PUM kepada tidak lebih daripada 100 orang pelajar pada sesuatu masa. Ini dilakukan bagi membolehkan aktiviti ko-kurikulum yang lain dapat berganding sama dalam memberikan pendidikan kepada pelajar.

1.4 Pernyataan Masalah

Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) adalah salah satu daripada beberapa institusi pendidikan yang ditubuh dan dikelolakan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk memberi pendidikan berteraskan sains dan matematik kepada pelajar bumiputra terpilih. Mengikut MARA (1990), Kertas Dasar Pendidikan MRSM Dekad 1990an, matlamat pendidikan MRSM ialah untuk mencapai

- a. Kecemerlangan akademik
- b. Kecemerlangan sahsiah
- c. Kecenderungan keusahawanan
- d. Kecergasan fizikal.

Pelajar bumiputra yang dipilih memasuki MRSM adalah merupakan mereka yang menunjukkan kemampuan dan kebolehan dalam akademik serta berminat dalam sains dan matematik. Mereka dipilih berdasarkan pencapaian cemerlang dalam UPSR bagi kemasukan ke tingkatan satu dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan ujian kecenderungan bagi kemasukan ke tingkatan empat. Bagi memastikan penerusan pencapaian akademik yang cemerlang, pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran telah diterokai, dicuba dan diperkenalkan dari semasa ke semasa. Terdapat program yang memberi tumpuan kepada akademik secara terus dan ada pula program yang diperkenalkan untuk mengubah sikap pelajar ke arah sikap positif yang pada akhirnya akan menjurus kepada peningkatan pencapaian akademik. Program yang memberi penumpuan kepada peningkatan pencapaian akademik ialah seperti pembelajaran integratif (*integrative learning*), pembelajaran koperatif (*cooperative learning*), kemahiran berfikir, pembelajaran berbantuan komputer (*Computer Aided Instruction*) dan pembelajaran melalui modul sendiri. Manakala program untuk mengubah sikap pula ialah seperti aktiviti kokurikulum, program jaya diri, kursus kepimpinan, kursus motivasi dan kem cuti. Antara aktiviti kokurikulum yang telah dijalankan oleh MRSM ialah PUM. PUM disertai oleh pelajar tingkatan satu, dua dan empat. Petikan daripada modul PUM inilah yang digunakan dalam kajian ini bagi melihat kesannya atas perubahan sikap pelajar yang kemudiannya ditunjukkan secara tidak langsung oleh pencapaian pelajar dalam bidang akademik masing-masing.

1.5 Tujuan kajian

Tujuan kajian ini dijalankan pertamanya ialah untuk menilai sama ada PUM telah berjaya menerap ciri-ciri keusahawanan kepada para pelajar yang menyertainya, Ini kerana penilaian berfungsi menyediakan bukti yang sah tentang pencapaian pembelajaran (John Izard, 1992). Penilaian akan memberitahu pelajar

tentang tahap pencapaiannya dan seterusnya akan mempermudah pelajaran lanjutan. Dipihak guru pula mereka akan cuba memperbaiki proses pembelajaran apabila mereka telah mengenalpasti kekuatan pelajar mereka. Keduaanya ialah untuk mengetahui sejauh mana tahap ketrampilan pelajar PUM telah meningkat, Ianya dapat dilakukan kerana penilaian adalah proses berterusan yang melibatkan pengumpulan, analisis dan integrasi maklumat (Chen Hoy, Noel Gregg, 1994) dan pelaporan yang digabungkan bagi membuat perancangan pengajaran yang tepat kepada keperluan pelajar. Ketiganya untuk melihat adakah wujud perbezaan antara ciri keusahawanan antara pelajar bandar dengan pelajar luar bandar. Ini boleh ditentukan melalui penilaian kerana tujuan penilaian akan menentukan status individu atau kumpulan pada ciri tertentu pada sesuatu masa (Samuel T. Mayo, 1980). Keempat ialah untuk meninjau kesan penyertaan pelajar dalam PUM ke atas pencapaian akademik mereka. Kelima untuk mengetahui apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru pembimbing PUM di MRSM dalam melaksanakan aktiviti PUM di maktabnya.

1.6 Soalan kajian

Bagi menyelesaikan kajian ini pengkaji akan cuba meneroka jawapan kepada beberapa soalan kajian seperti berikut:-

- i. Adakah PUM berjaya menerapkan ciri keusahawanan dikalangan pelajar MRSM?
- ii. Adakah pelajar-pelajar MRSM yang menyertai PUM telah meningkat tahap ketrampilan diri mereka?

- iii. Adakah pencapaian akademik pelajar-pelajar yang menyertai PUM telah meningkat secara ketara?
- iv. Adakah wujud perbezaan ciri keusahawanan antara pelajar bandar dengan pelajar luar bandar?
- v. Adakah GPP menghadapi masalah dalam mengendalikan PUM di MRSM?

1.7 Rasional kajian

Kajian ini amat wajar dijalankan memandangkan semenjak PUM dilaksanakan di MRSM pada tahun 1993 belum pernah dibuat kajian oleh mana-mana pengkaji tentang keberkesanan pelaksanaannya. Selepas sembilan tahun pelaksanaan, beberapa pihak sepatutnya telah mendapat maklum balas yang sewajarnya. Antara pihak yang berkepentingan tentang hasil kajian ini ialah pihak MARA selaku 'stakeholder'. Pengetua MRSM selaku pelaksana, guru-guru pembimbing selaku penasihat dan para pelajar sendiri selaku peserta. Kajian ini diharap akan dapat menjawab beberapa persoalan berkaitan dengan keberkesanan pelaksanaan PUM dan kaitannya dengan pencapaian pelajar dalam bidang akademik. Pembinaan sikap positif kurang diberi penekanan oleh guru kerana mereka beranggapan pelajar-pelajar yang pintar selalunya bersikap positif. Oleh itu diharap kajian ini akan dapat mengenalpasti masalah pelaksanaan program yang berorientasikan perubahan sikap sebagai alat untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

1.7.1 Hipotesis kajian

Pelajar yang mempunyai ciri keusahawanan akan memperolehi pencapaian yang lebih baik dalam bidang akademik berbanding dengan pelajar yang kurang menyerlah ciri-ciri keusahawanannya.

1.8 Kepentingan kajian

Diharapkan kajian ini akan dapat memperihalkan tentang sejauh mana PUM berjaya menyemai ciri keusahawanan dikalangan pelajar-pelajar MRSM. Di samping itu kajian ini juga diharap dapat menjelaskan aspek-aspek lain yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program. Juga diharapkan kajian ini akan dapat menerangkan perhubungan antara ciri keusahawanan yang dimiliki oleh seseorang pelajar dengan pencapaian mereka dalam bidang akademik.

1.9 Batasan kajian

Sampel untuk kajian ini adalah terbatas kepada 11 orang GPP dari tiga buah MRSM di Zon Utara (Utara semenanjung Malaysia) dan sebuah MRSM dari Zon Timur (Timur Semenanjung Malaysia) yang menjadi GPP pada tahun 2001 serta seramai 120 orang pelajar tingkatan empat di MRSM tersebut yang menyertai PUM pada tahun 2001.. Empat buah MRSM tersebut dipilih kerana keempat-empat MRSM tersebut dapat mewakili empat kategori MRSM. Kategori-kategori MRSM tersebut ialah MRSM yang mengambil pelajaranya bermula dari tingkatan satu dan yang mengambil pelajaranya bermula dengan tingkatan empat. MRSM_MRSM yang mengambil pelajar tingkatan empat dalam sampel kajian ini ialah MRSM Beseri dan MRSM Taiping. Manakala MRSM Langkawi dan MRSM – YT Besut adalah sampel dari kategori MRSM yang mengambil pelajar dari tingkatan satu. Kedua-dua kategori MRSM tersebut dibahagikan pula kepada dua kategori iaitu kategori bandar dan luar bandar. Bagi MRSM yang mengambil pelajar tingkatan empat, MRSM Taiping mewakili MRSM bandar (pinggir bandar) manakala MRSM Beseri, Perlis mewakili MRSM luar bandar. Bagi MRSM yang mengambil pelajar dari tingkatan satu pula MRSM Langkawi mewakili MRSM bandar (pinggir bandar) manakala MRSM – YT

Besut mewakili MRSM luar bandar. Oleh itu dapatan kajian ini tidak boleh dibuat generalisasi terhadap semua pelajar tingkatan 4 di semua MRSM.

1.10 Definisi istilah

a. Program

Satu aktiviti yang disusun dan dilaksanakan dengan perancangan yang teliti dan mengikut prosedur tertentu.

b. Kurikulum

Satu kerangka pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan untuk dilaksanakan oleh sesuatu pihak. Ianya telah digubal dengan teliti dengan mengambilkira pelbagai aspek dan biasanya untuk mencapai matlamat negara.

c. Keusahawanan

Adalah merupakan sikap-sikap positif yang ada pada seseorang individu yang dapat memandu individu tersebut membuat keputusan atau mengambil tindakan yang tepat.

d. Usahawan Muda

Usahawan yang berada dalam kelompok umur remaja (antara 13 hingga 21 tahun).

e. Usahawan

Seorang atau sekumpulan orang yang mempunyai dan mencetuskan idea baru, berfikiran, berinovatif serta mengolah faktor ekonomi seperti tanah, buruh, modal dan lain-lain serta menjadikan sesuatu barang atau perkhidmatan untuk memenuhi keperluan pengguna, mengatasi halangan jika ada dengan tujuan

mendapat untung Ini disokong pula oleh definisi satu persidangan keusahawanan terkini seperti berikut

“Entrepreneurship is the attempt to create value through recognition of business opportunity, the management or risk taking appropriate to the opportunity and through communicatives and management skills to mobilize human, financial, and material resources necessary to bring a project to fruition”

g. Keberkesanan

Sesuatu tindakan yang dilakukan menimbulkan hasil yang diharapkan atau membawa perubahan yang diinginkan oleh pihak penganjur.

h. Penilaian

Merujuk kepada aktiviti untuk menentukan sejauh manakah objektif sesuatu program yang ditentukan telah dicapai.

i. Pelaksanaan

Perihal melaksanakan atau menjalankan sesuatu rancangan, tugas dan sebagainya.